



## MEMO

### **JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

**RUJ. KAMI** : JHEAIPP.D. 700-3/1/2 Jld.4(19)

**KEPADA** : Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang  
Semua Imam Utama Masjid-masjid Daerah Pulau Pinang

**DARIPADA** : Pengarah, Jabatan Hal Ehwah Agama Islam Pulau Pinang

**TARIKH** : 10 Jamadilawal 1446H  
12 November 2024M

**PERKARA** : **BACAAN KHUTBAH BERPSEMPENA SAMBUTAN  
BULAN INTEGRITI NASIONAL 2024**

YBhg. Dato'/ Tuan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan ini telah menerima permohonan bacaan khutbah dari Institut Integriti Malaysia (IIM) bersempena Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ Tuan dimohon untuk membaca khutbah tersebut pada **15 November 2024**. Bersama-sama ini dilampirkan teks khutbah untuk tindakan YBhg. Dato'/ Tuan selanjutnya.

Kesudian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Tuan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**(MARZUKI BIN HASSAN)**



TEKS KHUTBAH JUMAAT  
SEMPENA BULAN INTEGRITI NASIONAL 2024

“INTEGRITI TERAS KEHARMONIAN NEGARA”

(15 November 2024, Hari Jumaat)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٦﴾ سورة الاحزاب

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النُّورُ الْهَادِي لِلنَّاسِ  
أَجْمَعِينَ.

وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً  
لِلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya ingin mengingatkan diri dan sidang jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Bersempena sambutan Bulan Integriti Nasional pada tahun 2024 yang bertemakan “**TEGUH INTEGRITI, KUKUH PERTIWI**”, tajuk khutbah pada hari ini ialah: “**INTEGRITI TERAS KEHARMONIAN NEGARA**”.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Integriti merupakan asas penting dalam kehidupan kita. Perkataan integriti sering kita dengar di pelbagai peringkat individu mahupun organisasi. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefinisikan integriti sebagai: **Kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan**. Ini bermaksud integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupnya dan lain-lain. Dalam erti kata lain: **Integriti adalah semua nilai-nilai murni yang perlu ada pada setiap individu atau organisasi.**

Integriti merupakan sebahagian daripada nilai-nilai penting dan berperanan besar dalam membina tingkah laku dan sahsiah manusia untuk membentuk kesempurnaan dalam diri. Nilai yang baik yakni sifat mahmudah dapat menampilkan norma dan piawaian tingkah laku yang terbaik dalam kehidupan seseorang manusia itu. Nilai integriti bukan sahaja mengubah landskap dan ekosistem kehidupan dalam kalangan anggota masyarakat, bahkan akan membantu sesebuah negara dalam mencapai matlamat serta kejayaan yang telah dirangka agar dapat dikenali kerana integritinya, bukan kerana rasuah.

Baginda Rasulullah ﷺ merupakan contoh teladan sebagai hamba Allah yang berintegriti tinggi, sehingga dikenali dengan gelaran '**al-Amin**', yang bererti 'yang sangat dipercayai'. Empat nilai keperibadian dan sifat terpuji Rasulullah ﷺ yang menjadi teras kepada nilai integriti iaitu **As-Siddiq** (sangat benar), **Amanah** (dipercayai), **Tabligh** (menyampaikan), **Fatanah** (bijaksana). Allah ﷻ berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya, telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang terbaik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)”.

Individu tanpa integriti seperti seseorang yang tidak beramanah dan tidak berlaku jujur serta sentiasa bergelumang dengan sifat mazmumah. Keadaan ini sekaligus akan menyebabkan kedudukannya turut terjejas di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* malah akan mendapat kecelakaan di dunia mahupun di akhirat.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIHORMATI,**

Manfaat atau kelebihan berintegriti bukan sahaja dapat diraih oleh individu muslim itu sendiri, bahkan oleh ahli keluarga, masyarakat, dan juga negara. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam surah Al-Anfaal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, walhal kamu mengetahui (salahnya)!”

Manusia yang tidak menegakkan nilai-nilai integriti dalam diri mereka akan menyebabkan mereka mudah melakukan perbuatan dosa yang dimurkai oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, seperti mengamalkan rasuah, pecah amanah, penyelewengan dana awam, ketidak patuhan peraturan, tidak berdisiplin, cuai dalam melaksanakan tugas dan seumpamanya.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Malaysia adalah sebuah negara yang majmuk. Ini dapat dilihat dengan wujudnya kepelbagaian kaum, budaya dan agama yang menjadikan negara ini begitu unik. Walaupun dihuni oleh pelbagai bangsa, kaum, pegangan agama dan budaya, kita dapat hidup dalam suasana harmoni dan aman hasil daripada pengamalan sikap hormat-menghormati, saling mengasihi, kebersamaan dan semangat perpaduan mempertahankan kedaulatan negara.

Namun begitu, kadang kala kita diuji dengan pelbagai isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan akibat daripada perbuatan pihak-pihak yang tidak berintegriti dan bertanggungjawab apabila suka menyuntik jarum-jarum perbalahan dan permusuhan terutama di media-media sosial.

Ingatlah bahawa kesejahteraan dan kemakmuran negara juga adalah amanah daripada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang mesti dipelihara.

Kita juga seringkali didedahkan dengan pelbagai kepincangan dalam masyarakat yang melibatkan keruntuhan nilai integriti. Sedarlah bahawa manusia yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah akan menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam kemungkaran seperti perbuatan rasuah, khianat, penipuan dan pecah amanah yang pastinya boleh meruntuhkan organisasi, institusi masyarakat dan negara.

Sewajarnya dengan penghayatan dan pengamalan ajaran Islam, maka sifat jujur dan amanah mestilah ditanamkan dan diterapkan dalam diri kita, seterusnya mendidik keluarga dan anak-anak untuk mengamalkan nilai-nilai integriti bermula daripada rumah. Sempena Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024 sepanjang bulan November dan ulang tahun IIM ke-20, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dan akan melaksanakan pelbagai program kesedaran di samping meningkatkan serta

memperkasakan lagi kebudayaan integriti di semua sektor iaitu awam, swasta dan masyarakat bagi meningkat nilai dan etika integriti.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama:** Asas dalam membina integriti dan akhlak yang baik ialah dengan mengamalkan Islam secara menyeluruh, meningkatkan iman dan membentuk sifat ihsan di dalam diri.

**Kedua:** Tingkatkan nilai-nilai integriti dalam diri dengan memupuk sifat amanah, jujur, ikhlas, berkata benar dan bertanggungjawab serta kikislah segala sifat negatif seperti suka melakukan khianat, mengambil kesempatan dan penipuan.

**Ketiga:** Didiklah ahli keluarga dan anak-anak untuk mengamalkan nilai-nilai integriti bermula dari rumah demi membina masyarakat dan negara yang berintegriti tinggi.

Mengakhiri khutbah, renungkan firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di dalam ayat yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

Maksudnya: *"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah (Kami) kepada langit, bumi dan gunung-ganang (untuk menanggungnya), tetapi semuanya enggan untuk menanggung amanah itu dan mereka khawatir tidak akan dapat menyempurnakannya dan hanya manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman lagi sangat jahil."*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## خطبه كدوا

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيْمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾